



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

MESIN PENGOREK TEROWONG PERTAMA

BAGI LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA SIAP SEDIA

PUSING, 11 OGOS 2016: MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT), Kontraktor Kerja Bawah Tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), telah menjalani Ujian Penerimaan Kilang untuk mesin pengorek terowong pertama yang akan digunakan bagi Laluan SSP.

Mesin Pengorek Terowong telah menjalani pembaikpulihan di kilang Waiko Engineering Sdn Bhd di sini. Ini merupakan kerja pembaikpulihan yang pertama di Malaysia, selepas penggunaan Mesin Pengorek Terowong Variable Density yang pertama di dunia semasa pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato' Najmuddin Abdullah berkata ini adalah sebuah pencapaian utama bagi Laluan SSP.

"Hari ini, kita dapat saksikan, mesin pengorek terowong yang pertama daripada 12 yang akan digunakan bagi seksyen bawah tanah Laluan SSP sepanjang 13.5km telah pun siap sedia untuk beraksi.

"Ujian Penerimaan Kilang adalah salah satu daripada banyak langkah persediaan yang perlu diambil oleh Kontraktor Kerja Bawah Tanah kami bagi menjalankan kerja-kerja menggali terowong dan lain-lain kerja bawah tanah," ujar beliau semasa mengadakan lawatan ke kilang setelah selesainya Ujian Penerimaan Kilang hari ini.

Mesin ini adalah mesin yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 30 Mei 2013 untuk memulakan kerja-kerja menggali terowong bagi Laluan SBK.

Mesin ini telah menggali terowong sepanjang 4.2km – terpanjang antara terowong-terowong yang digali oleh lapan mesin pengorek terowong yang digunakan untuk Laluan SBK - sebelum memecah terus tapak Stesen MRT Pasar Seni pada 4 April 2015.

Pengarah Terowong Bawah Tanah MRT Corp Mr Blaise Mark Pearce berkata MRT Corp berpuas hati dengan Ujian Penerimaan Kilang dan keseluruhan proses pembaikpulihan Mesin Pengorek Terowong ini.

“Dengan menggunakan mesin yang telah dibaikpulih, bukan sahaja kami memperlihatkan banyak penjimatan atas kos Laluan SSP. Kami juga akan menggunakan mesin yang sudah tidak asing lagi bagi kami dan sudah arif dengan cara ia berfungsi,” katanya.

Pengarah Projek MGKT Mr Satpal S. Bhogal berkata mesin ini mengambil masa enam bulan untuk dibaikpulih dan selepas ini mesin ini akan dibongkar dan disimpan, dan akan dihantar ke tapak apabila tiba masanya untuk mesin ini digunakan menurut program kerja.

Beliau berkata kerja-kerja pembaikpulihan untuk mesin ini sudah bermula pada Mac 2016 dan dijalankan oleh beberapa orang jurutera kanan dari MGKT dan krew-krew terowong yang terlatih dari Akademi Latihan Terowong MGKT, dan diselia oleh pakar-pakar dari Herrenknecht AG, Jerman yang menyediakan kepakaran melalui pemindahan teknologi.

Waiko Engineering menyediakan ruang dan kemudahan bagi kerja-kerja pembaikpulihan yang melibatkan teknologi tinggi dan kerja-kerja kejuruteraan ketepatan tinggi (*precision engineering works*).

Kilang Pembaikpulihan Mesin Pengorek Terowong di Waiko Engineering telah ditubuhkan pada 2015 dan merupakan sebagai salah satu inisiatif Program Offset Projek MRT, yang menyediakan platform bagi pembangunan teknologi tinggi di Malaysia melalui kerjasama dengan kontraktor-kontraktor asing atau pembekal.

“MGKT akan membelanjakan RM100 juta untuk pembaikpulihan bagi kesemua lapan mesin pengorek terowong. Kelapan-lapan mesin ini telah digunakan untuk kerja-kerja menggali terowong bagi Laluan SBK dan kini akan digunakan semula untuk kerja-kerja terowong Laluan SSP,” katanya.

Beliau berkata bagi proses pembaikpulihan, 70% daripada komponen-komponen yang digunakan adalah buatan tempatan dan hampir RM50 juta digunakan untuk memperolehi komponen tempatan melalui rangkaian bekalan tempatan sepanjang program pembaikpulihan tersebut.

“Ini membantu mengurangkan permintaan dan impot komponen daripada pembekal luar negara,” katanya.

Selain itu, katanya lagi, lebih daripada 50 pekerjaan termasuk mekanik, juruelektrik dan pakar pengimpal, dan lebih 100 juruteknik vokasional bagi tempoh masa pendek dan sederhana akan dijana sepanjang tempoh dua tahun program pembaikpulihan ini dijalankan.

“Bakat-bakat yang terlibat dalam kerja pembaikpulihan telah terdedah kepada pelbagai jenis kemahiran kerja. Ini termasuk teknik-teknik dan metodologi kimpalan tahap tinggi (*advanced welding techniques and methodology*); pemeriksaan komponen yang berketepatan tinggi (*high precision components*); pengalaman dan pendedahan kepada reka bentuk dan metalurgi terkini yang digunakan sebagai pelindung (*wear protection*); dan penggunaan secara meluas Program Pengawal Logik Boleh Atur (*Programmable Logic Controller*).

“Dengan kepakaran ini, bakat-bakat tempatan kami sememangnya akan sangat laku dalam pasaran kerja di seluruh dunia,” tambah Bhogal.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd

Leong Shen-Li

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd

Dr Bhavani Krishna Iyer

019-3128303 / bhavani@kvmrt-ug.com.my